

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 2, 9 HINGGA 75)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

NO. SOALAN: 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN
HAJI NASARAH[LENGGONG]**

TARIKH : 31 MAC 2014

SOALAN :

DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk melakukan persempadanan semula kawasan pilihan raya; dan
- (b) apakah ada rancangan meminda peraturan supaya melarang pengosongan kerusi pilihan raya dilakukan atas alasan peribadi atau tidak munasabah.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri yang terakhir bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah ialah pada 21 Mac 2003. Sehubungan dengannya, tempoh lat lapan (8) tahun seperti yang ditetapkan di bawah Perkara 113 (2) Perenggan (ii) Perlembagaan Persekutuan sepatutnya berakhir pada 21 Mac 2011 dan tarikh bermulanya kajian semula itu akan dikira dari tarikh tersiarnya notis yang akan diwartakan menurut Seksyen 4 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

Namun pada pertengahan tahun 2011, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah membuat keputusan berdasarkan Perkara 113 (2) Perenggan (i) Perlembagaan Persekutuan untuk melaksanakan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilhan raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sabah dimulakan secara rasmi selepas Pilihan Raya Umum Ke-13. Ini mengambil kira tempoh kajian semula persempadanan perlu diselesaikan dalam tempoh 2 tahun. Sekiranya ia dilaksanakan dalam tahun 2011, dikhuatiri kajian akan terganggu sekiranya pilihan raya umum berlaku dalam tempoh tersebut dan ia akan melangkaui tempoh 2 tahun yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Bagi negeri Sarawak, kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya yang terakhir ialah pada 10 Jun 2005 dan berdasarkan peruntukan Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan, urusan kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sarawak hanya boleh dilaksanakan selepas 10 Jun 2013, iaitu selepas cukup tempoh lapan (8) tahun selepas siapnya urusan kajian semula persempadanan sebelum ini.

Dalam melaksanakan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri pada kali ini, SPR telah membuat keputusan untuk menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya secara serentak bagi semua Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Berhubung cadangan Yang Berhormat agar Kerajaan membuat pindaan untuk melarang pengosongan kerusi pilihan raya dilakukan atas alasan peribadi atau tidak munasabah, Perlembagaan Persekutuan di bawah Fasal (6) Perkara 48 telah menyatakan bahawa seseorang yang meletakkan jawatan akan hilang kelayakan untuk bertanding selama lima tahun bermula dari tarikh perlepasan jawatannya berkuat kuasa.

Peletakan jawatan yang dimaksudkan adalah peletakan jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri yang berdasarkan kepada peruntukan Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri. Oleh itu, Akta Pilihan Raya 1958 tidak boleh melarang seseorang ahli dewan meletak jawatan atas kemahuannya sendiri kerana ini akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri. Oleh

yang demikian, Kerajaan merasakan undang-undang sedia ada masih sesuai untuk diteruskan untuk menghalang Ahli Parlimen serta Ahli Dewan Undangan Negeri daripada meletakkan jawatan dengan alasan peribadi atau tidak munasabah. Namun begitu, semua pandangan oleh pelbagai pihak berhubung peletakan jawatan secara sengaja atau dengan niat tertentu akan dikaji oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Sekian. Terima kasih.